

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO 10/4/2025 (KHAMIS)

Rampas 2.5 juta unit bernilai RM45j

Kuala Lumpur: Tegas dan tiada kompromi. Ini dibuktikan apabila hampir 2.5 juta unit ubat seludup dan tidak berdaftar dirampas Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (BPF KKM) membabitkan anggaran nilai rampasan melebihi RM45 juta.

BPF dalam kenyataannya kepada Harian Metro memaklumkan, tindakan turut dibantu Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri terhadap individu atau premis yang terbabit dalam pengendalian produk tidak berdaftar di Malaysia.

Menurutnya, antara tahun 2022 hingga 2024, sebanyak 3,467 tindakan penguatkuasaan diambil membabitkan rampasan produk tidak berdaftar yang tidak mempunyai kelulusan KKM.

"Penyaringan iklan secara proaktif dan reaktif turut dijalankan oleh BPF iaitu

sebanyak 80,799 iklan perubatan disaring dan diambil tindakan penguatkuasaan dari tahun 2022 sehingga 2024.

"Langkah tegas ini termasuk 38,011 iklan ubat diarah di-

turunkan atau disekat di laman e-dagang," katanya.

Menurutnya, satu kempen 'Tolak Ubat Tidak Sah' dengan nama singkatan rasminya 'TOBaTS' dilancarkan tahun lalu dalam usaha memerangi isu pembekalan dan penjualan ubat-ubatan yang menyalahi undang-undang di Malaysia.

"Maklumat lanjut mengenai kempen TOBaTS boleh diperolehi di laman sesawang <https://pharmacy.moh.gov.my/tobats>."

"BPF KKM mengulangi kenyataan bahawa tindakan penjualan ubat-ubatan tidak berdaftar adalah melanggar subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang juga kesalahan mengikut peraturan 30 Peraturan-Peraturan yang boleh dihukum di bawah seksyen 12 Akta Jualan Dadah 1952.

"Jika sabit kesalahan, individu terbabit boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama. Manakala bagi syarikat yang melakukan kesalahan yang sama boleh dikenakan denda sehingga RM50,000," katanya.

'LEBIH POWER DARIPADA UBAT KKM'

Dakwa keberkesanan menyebabkan ubat 'ahli farmasi' dari Bangladesh dapat permintaan tinggi

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin dan
Hafidzul Hilmi Mohd Noor
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Datang sebagai pelanggan sebelum berkhidmat sebagai 'ahli farmasi' di premis yang disewa di sekitar ibu kota.

Itu dilakukan warga Bangladesh yang membawa masuk ubat-ubatan tidak berdaftar dan tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum dijual kepada rakan senegara.

Walaupun sudah beberapa kali diserbu, khidmat 'ahli farmasi' dan ubat-ubatan dari Bangladesh masih mendapat permintaan tinggi warga asing berkenaan.

Wartawan dengan bantuan migran warga Bangladesh meninjau beberapa lokasi di sekitar ibu kota yang menjadi tumpuan buat warga asing terutama dari Bangladesh untuk menda-

kan ubat dari negara mereka.

Tinjauan di Jalan Silang, di sini, mendapati ada beberapa premis di kawasan berkenaan menjual ubat yang tidak berdaftar dengan KKM dan dibawa masuk dari Bangladesh.

Premis itu turut menyediakan 'ahli farmasi' tidak bertauliah untuk memberikan preskripsi kepada pesakit yang berkunjung bagi mendapatkan ubat.

Bekalan ubat dari negara luar itu didakwa mampu merawat sakit yang dialami mereka dan lebih power berbanding ubat dibekalkan oleh KKM.

Warga Bangladesh dikenali sebagai Sodi, 34, berkata, dia bersama rakan senegara akan membeli ubat di sekitar Jalan Silang sekiranya perlu.

"Kami dari kecil lagi sudah biasa dengan ubat-ubatan, jadi bila berada di negara ini, ada antara rakan kami yang membawa ubat dari negara asal sehingga ia menjadi satu perniagaan.

"Kebanyakan pekerja binaan adalah pelanggan tetap premis yang men-

jual ubat-ubatan. Mereka turut mengambil suplemen bagi menjaga kesihatan diri," katanya.

Ketika penyamaran dilakukan, wartawan melihat perniagaan 'farmasi' itu berjalan seperti biasa, malah wujud dua premis tambahan yang memaparkan banting dalam bahasa Bengali beserta gambar badan manusia serta tulisan bermaksud perkhidmatan kesihatan disediakan di situ.

Kewujudan 'farmasi' menjual ubat-ubatan dari Bangladesh yang berselindung di pelbagai premis di ibu kota membimbangkan.

Meskipun ada klinik dikendalikan rakyat tempatan dalam blok bangunan berdekatan, peniaga Bangladesh di premis terbabit yang terkenal dengan julukan 'Dr Bangla' dikesan selamba sahaja membawa ubat-ubatan itu dari negara asal.

Penyamaran lebih seminggu wartawan di jalan berkenaan dan sebuah kompleks beli-belah mendapati rata-rata pengunjung asing ke kawasan itu selesai dengan 'dokter' dari negara asal mereka.

Limpahan ubat tidak berdaftar itu boleh mendatangkan kesan



Limpahan ubat tidak berdaftar itu boleh mendatangkan kesan buruk kepada pengguna dan ada kemungkinan turut dibeli serta digunakan warga tempatan

kan kesan buruk kepada pengguna dan ada kemungkinan turut dibeli dan digunakan warga tempatan.

Menurut KKM, individu yang terbabit dengan penjualan ubat haram boleh dihukum denda tidak lebih RM25,000 dan penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan RM50,000 atau lima tahun penjara bagi kesalahan berikutnya.

Syarikat pula boleh didenda RM50,000 untuk kesalahan pertama dan RM100,000 bagi kesalahan berikutnya.



'Ahli farmasi' yang tidak bertauliah untuk memberikan preskripsi kepada pesakit yang berkunjung bagi mendapatkan ubat.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO M/S 7 10/4/2025 (KHAMIS)

ANTARA ubat seludup dan tidak berdaftar dirampas Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia.



6 kategori ubat tak berdaftar di pasaran

Kuala Lumpur: Terdapat enam kategori ubat-ubatan seludup dan tidak berdaftar dikesan berlegar serta dijual meluas di pasaran tempatan.

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPF KKM) berkata, wujud pelbagai jenis ubat-ubatan haram atau seludup yang kerap dirampas pegawai Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (BPF KKM).

"Terdapat enam kategori utama ubat-ubatan seludup yang sering ditemui dan dirampas BPF KKM antaranya ubat perangsang seks memabihkan produk mengandungi bahan aktif seperti sildenafil dan tadalafil.

"Penggunaan tanpa preskripsi produk ini boleh mengakibatkan kesan sampingan serius seperti peningkatan tekanan darah, serangan jantung, dan gangguan fungsi organ," katanya.

Menurutnya, kategori kedua memabihkan ubat pelangsing badan yang sering mengandungi bahan terlarang seperti sibutramine, yang meningkatkan risiko gangguan kardiovaskular seperti hipertensi dan strok.

"Kategori ketiga memabihkan penyeludupan pelbagai ubat-ubatan antibiotik seperti amoxicillin dan ciprofloxacin, yang sering dijual tanpa preskripsi sah.

"Penyalahgunaan antibiotik ini boleh menyebabkan rintangan antimikrob

(AMR), menjadikan jangkitan lebih sukar dirawat dan meningkatkan risiko komplikasi kesihatan," katanya.

Selain itu wujud penjualan kategori ubat tahan sakit seperti tramadol yang boleh menyebabkan ketagihan.

"Jika digunakan tanpa kawalan, tramadol boleh memberikan kesan sampingan seperti kemurungan sistem saraf pusat dan gangguan pernafasan.

"Kategori kelima memabihkan ubat-ubatan untuk rawatan gastrik seperti omeprazole dan ranitidine. Penggunaan ubat ini tanpa pemantauan perubatan boleh menyebabkan interaksi ubat yang berbahaya serta risiko komplikasi kesihatan jangka panjang," katanya.

Menurutnya, turut dijual adalah ubat tradisional tidak berdaftar yang dicampur dengan racun berjadual seperti steroid atau ubat tahan sakit.

"Produk ini boleh menyebabkan kesan sampingan seperti kerosakan hati dan buah pinggang," katanya.

Menurutnya, ubat-ubatan haram atau tidak berdaftar yang dijual secara tidak sah sering digunakan oleh pembeli untuk merawat pelbagai jenis penyakit atau masalah kesihatan.

"Apa yang pasti ubat ini tidak dikawal dan tidak menjalani ujian keselamatan dan keberkesanan yang ketat di mana penggunaan ubat ini akan membawa risiko yang buruk," katanya.

Tegas banteras 'ahli farmasi' haram

Kuala Lumpur: Berisiko tinggi dan membahayakan kesihatan pesakit.

Itu antara kesan buruk bakal dihadapi pesakit yang mendapatkan ubatan tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan (KKM) daripada 'ahli farmasi' warga asing.

Presiden Pertubuhan Bantuan Kemanusiaan dan Perubatan Malaysia (MediAid) Dr Syariz Izzy Sehat berkata, isu lambakan 'ahli farmasi' warga asing tidak berdaftar dianggap serius dan tindakan tegas perlu diambil oleh pihak berkuasa terbabit.

"Berkaitan soal keselamatan, kita tidak dapat pastikan kandungan ubatan yang dijual secara haram itu dan jelas tiada kelulusan KKM.



Bagi isu pentauliahn pula, tidak dapat dipastikan kesahihan mereka sebagai ahli farmasi yang sekali gus membahayakan kesihatan pesakit"

Dr Syariz Izzy

"Bagi isu pentauliahn pula, tidak dapat dipastikan kesahihan mereka sebagai ahli farmasi yang sekali gus membahayakan kesihatan pesakit," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Menurut pakar bedah pediatrik Hospital Pakar Avisena, Shah Alam itu, keadaan berkenaan menunjukkan bahawa golongan terbahit melanggar peraturan dan undang-undang yang ditetapkan negara ini.

"Mungkin ada yang masuk sebagai pelancong namun menjalankan perniagaan secara haram atau tidak berdaftar terutama ubatan itu.

"Justeru, tindakan tegas perlu diambil dan menghantar mereka pulang semula ke negara asal," katanya.

Dr Syariz berkata, ubatan tanpa kelulusan KKM sememangnya tiada kepastian dan jaminan mengenai tahap keselamatannya.

"Kita tidak mengetahui apa isi kandungan ubatan itu bagi kegunaan pesakit

sama ada bersesuaian atau sebaliknya.

"Jika mengalami kesan buruk, ia bakal menyebabkan lambakan kemasukan pesakit ke institusi kesihatan kita sekali gus perlu menanggung kos perubatan itu," katanya.

Menurutnya, Malaysia mempunyai undang-undang dan sistem kesihatan antara yang terbaik serta selamat di dunia.

"Justeru, kita perlu terus mengekalkan dan memperkatakan standard berkenaan di negara ini.

"Orang ramai termasuk warga tempatan dinasihatkan tidak terjebak dan mendapatkan rawatan perubatan di fasiliti kesihatan sedia ada. Sayangi diri anda," katanya.

FUNGSI DAN ANCAMAN UBAT-UBATAN HARAM DAN SELUDUP



Masalah Berat Badan

- Ubat-ubatan haram yang mengandungi bahan yang berbahaya atau bahan untuk mengurangkan selera makan sering digunakan untuk menurunkan berat badan.
- Individu yang menginginkan penurunan berat badan yang cepat tanpa kawalan profesional sering kali membeli ubat jenis ini. Walau bagaimanapun, penggunaan ubat ini berisiko menyebabkan masalah kesihatan seperti gangguan metabolik, kerosakan organ, atau ketagihan.



Masalah Seksual

- Ubat-ubatan haram sering dipasarkan sebagai penambah keinginan seksual atau untuk merawat masalah disfungsi ereksi.
- Kebiasaannya, produk-produk ini mengandungi racun berjadual seperti sildenafil dan tadalafil yang sering digunakan dalam ubat-ubatan sah.
- Penggunaannya tanpa pengawasan profesional boleh menyebabkan kesan sampingan berbahaya termasuk tekanan darah rendah yang melampau dan masalah jantung.



Masalah Tidur

- Ubat-ubatan haram yang mengandungi bahan psikoaktif digunakan oleh sesetengah individu untuk merawat masalah tidur atau insomnia.
- Ubat ini mungkin berpotensi menyebabkan ketagihan atau kesan sampingan negatif terhadap sistem saraf pusat, seperti kekeliruan mental atau penurunan daya ingatan.



Perubatan Tradisional atau Alternatif

- Beberapa individu mungkin membeli ubat-ubatan haram yang dikaitkan dengan rawatan alternatif atau ubat tradisional yang kononnya dapat merawat pelbagai masalah seperti kanser, masalah pencernaan atau masalah peredaran darah.
- Produk ini sering kali dijual dengan mendakwa ia adalah ramuan semula jadi atau herba yang mampu menyembuhkan pelbagai penyakit, walaupun keberkesannya tidak pernah diuji dan boleh membahayakan kesihatan.



Masalah Mental dan Psikologi

- Sesetengah ubat haram digunakan untuk merawat masalah mental seperti depresi, keresahan yang teruk, keresahan yang melampau, tingkahlaku agresif dan lain-lain.
- Ubat-ubatan ini mungkin mengandungi bahan kimia yang berbahaya yang boleh menyebabkan perubahan mood, gangguan tidur atau keadaaan mental pengguna.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

BH MIS 7 NASIONAL 10/4/2025 (KHAMIS)

Banyak premis belum patuh larangan pamer produk rokok

han kepada premis yang gagal mematuhi larangan pamer produk rokok di bahagian kaunter jualan.

Ketika ini pelaksanaan pengukuatan larangan terbit di kalangan secara berfasa sehingga 1 Oktober depan bagi memberikan tempoh yang munasabah kepada mereka untuk melaksanakannya.

Lebih 51,000 kedai terbit dalam larangan pamer produk rokok di kaunter jualan bermula 1 April lalu, selaras Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024.

Larangan itu berikutan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bersama-sama peraturan dan perintah yang berkaitan di bawahnya mulai 1 Oktober tahun lalu.

Akta 852 merangkumi peraturan pendafatiran, penjualan, pembungkusan, pelabelan dan larangan merokok di tempat awam.

Pemilik restoran yang hanya mahu dikenali sebagai Zahirussan, 61, berkata pihaknya sedia maklum mengenai larangan pamer itu sejak Oktober tahun lalu dan penguatkuasaan bermula

Pemilik perniagaan ambil sikap tunggu, lihat sehingga pelaksanaan penuh Oktober ini

Oleh A'qilah Baidan dan Poojaseelin Subramaniam
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Pemilik premis perniagaan dilihat mengambil sikap tunggu dan lihat berikutan mempunyai tempoh persediaan sehingga Oktober ini sebelum berdepan tindakan jika tidak menghep produk rokok secara terbuka.

Tinjauan mendapati masih banyak premis dikesan belum mematuhi larangan pamer produk rokok di bahagian kaunter jualan. Sebelum ini Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan akan mengeluarkan surat amaran atau notifikasi ketidakpatuhan

Saya memerlukan persetujuan daripada mereka terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu," katanya.

Belum terima notifikasi rasmi
Zahirussan berkata, pihaknya juga belum menerima notifikasi rasmi atau amaran daripada pihak berkuasa mengenai isu ini.

Selain itu, pengurus pasar mini yang hanya dikenali sebagai Nafiz, 32, mengakui tidak mengetahui kewujudan akta berkenaan, namun bersedia untuk mematuhi arahan jika dimaklumkan secara rasmi.

"Kalau betul ada larangan, kami boleh turunkan bila-bila masa, cuma setakat ini, tiada lagi maklumat yang sampai kepada kami, sama ada daripada pihak KKM atau pembekal," katanya.

Sementara itu, pengurus projek di kedai serbaneka, Ilman Islam, 24, berkata pihaknya sedia maklum mengenai isu ini, tapi masih belum dapat apa-apa notis daripada pihak atasan.

"Saya hanya menerima arahan daripada pihak syarikat, jadi jika mereka tiada makluman apa-apa lagi, saya hanya boleh berdiam diri sahaja," katanya.



Produk rokok masih dipamerkan di kaunter jualan di kedai serbaneka di sekitar Kuala Lumpur. (Foto Eizatri Shamsudin/BH)

mengenai isu ini, namun katanya masih lagi boleh dijual kerana belum berkuat kuasa.

"Saya sebagai pemilik kedai ini, tak boleh buat apa-apa sebab mereka yang bayar kepada saya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Kosmo MJS 2 NEUANA 10/4/2025 (KHAMIS)

Ubat kuat dalam TikTok

DARI MUKA 1

Pensyarah dan Pakar Perunding Kanan Urologi, Fakulti Perubatan dan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Zulkifli Md. Zainuddin berkata, lebih membimbangkan, faktor usia merupakan salah satu punca utama masalah ED termasuk penurunan testosteron dan kemerosotan fungsi pembuluh darah.

"Kebanyakan ED dalam kalangan lelaki muda berpunca daripada masalah kesihatan lain yang makin meningkat seperti kencing manis, jantung, obesiti, darah tinggi, mental, tekanan dan ke-murungan.

"Ramai lelaki muda mengalami stres akibat tekanan hidup yang semakin kompleks, tekanan kerja, masalah kewangan dan hubungan peribadi tidak stabil," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Zulkifli, penyakit itu mengganggu aliran darah penting untuk fungsi ereksi yang normal. Selain itu, katanya, lelaki muda juga cenderung mengamalkan gaya hidup kurang aktif, mengabaikan diet sihat, banyak

“

Mereka mungkin membeli ubat-ubatan yang tidak diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan (KKM) atau mengikut nasihat daripada sumber yang tidak sah seperti 'dokter TikTok'."

ZULKIFLI

menghabiskan masa dengan aktiviti yang merosakkan kesihatan seperti merokok, minum alkohol dan kurang bersenam.

Jelasnya, terdapat rawatan yang disediakan bagi masalah tersebut, namun malangnya ramai pesakit ED cenderung untuk mencuba rawatan yang tidak terbukti keberkesanannya.

"Mereka mungkin membeli ubat-ubatan yang tidak diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan (KKM) atau mengikut nasihat daripada sumber yang tidak sah seperti 'dokter TikTok,'" katanya.

Beliau berkata, antara rawatan yang disarankan adalah penggu-



naan ubat seperti PDE 5 inhibitor yang menunjukkan keberkesanan dalam membantu pesakit mencapai ereksi yang memadai.

"Orang muda juga disarankan mengamalkan diet seimbang dengan banyak mengambil sayur-sayuran, buah-buahan dan makanan yang kaya dengan antioksidan agar dapat membantu

mengekalkan kesihatan pembuluh darah dan meningkatkan fungsi seksual," katanya.

Tambah Zulkifli, mengam-bil langkah awal untuk menjaga kesihatan seksual dan amalan gaya hidup sihat dapat membantu mencegah ED serta meningkatkan kualiti hidup lelaki secara keseluruhan.

PENYAKIT kencing manis boleh menyebabkan masalah ED dalam kalangan lelaki muda.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : GAYA

UM MIS 20 GAYA 10/4/2025 (KHAMIS)

UAE berbanding kaedah tradisional

KEBANYAKAN wanita kembali menjalani aktiviti biasa mereka dalam tempoh tujuh hingga 10 hari, berbanding empat hingga enam minggu bagi histerektomi atau myomectomy.

"UAE tidak memerlukan insisi yang besar atau berada di hospital dalam tempoh yang lama. Ia mempunyai risiko jangkitan, kehilangan darah dan parut yang lebih rendah berbanding dengan pembedahan.

Bagi wanita yang mempunyai komitmen terhadap kerjaya, keluarga dan peribadi, tempoh pemulihan yang lebih singkat menerusi prosedur UAE mampu mengubah kehidupan.

"Tempoh pemulihan pula pantas dan memelihara rahim yang penting bagi wanita untuk mengekalkan kesuburan mereka.

"Pesakit sering memberitahu saya betapa leganya mereka dapat kembali menjalani rutin tanpa masa rehat yang panjang selepas pembedahan," katanya.

Kajian menunjukkan rawatan itu meningkatkan kualiti kehidupan wanita yang mempunyai fibroid dan adenomyosis dengan begitu ketara.

Kira-kira 90 peratus mampu kembali menjalani kehidupan normal selepas menjalani UAE dengan pengurangan dari segi kesakitan, pendarahan dan simptom kencing.

"Kisah kejayaan mereka sememangnya meyakinkan.

"Wanita yang sebelum ini bergelut dengan simptom yang mematahkan semangat kini mampu menikmati kehidupan semula."

Meskipun fibroid adakalanya berulang, kejayaan jangka panjang keseluruhan UAE menjadikannya pilihan rawatan yang dipercayai dan berkesan.

Kadar berulang selepas UAE adalah 10 hingga 15 peratus iaitu jauh lebih rendah daripada 20 hingga 30 peratus kadar berulang selepas myomectomy.

"Malah bagi kes yang memerlukan rawatan tambahan, UAE menyediakan asas yang kukuh untuk menguruskan fibroid dengan berkesan," ujarnya.

Begitupun, seperti semua prosedur perubatan, ia mempunyai beberapa risiko seperti kesakitan ringan, demam atau loya selepas prosedur, jangkitan jarang berlaku atau perubahan



IMEJ sebelum prosedur UAE.



IMEJ selepas melaksanakan prosedur UAE.

sementara dalam corak kedatangan haid.

"Risiko berkenaan adalah minimum jika dibandingkan dengan kaedah pembedahan tradisional.

"Kami mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan keselamatan pesakit dan hasil yang optimum," katanya.

Selepas prosedur, sesetengah pesakit mungkin mengalami kekejangan ringan atau ketidakselesaan selama beberapa hari.

Justeru, amalkan pengambilan makanan berkhasiat serta elakkan aktiviti fizikal sepanjang tempoh pemulihan awal.

Rehat juga sangat penting untuk membantu mempercepatkan proses pemulihan.

Pesakit digalakkan untuk menghadiri temujanji susulan bagi memantau kemajuan dan menangani sebarang kemusykilan.

"Susulan ini penting bagi memastikan fibroid berkenaan terus mengecut dan simptomnya terkawal."

"Fibroid and adenomyosis tidak perlu mengawal kehidupan anda. Ia bukan sekadar merawat simptom berkenaan tetapi ia tentang memulihkan kualiti hidup dan memperkasa wanita untuk mengawal kesihatan mereka," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : GAYA

UTUSAN MALAYSIA M/S 26 10/4/2025 (KHAMIS)

Rawatan fibroid tanpa pembedahan

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR
intansuhana@medianulla.com.my

BERTAHUN lamanya, Sophia (bukan nama sebenar) mengalami haid teruk dan pendarahan banyak yang menyebabkannya tidak berpuasa.

Lebih membimbangkan, keadaan ini turut menjejaskan emosinya.

Di usia 30 tahun, kabinetnya dipenuhi dengan tuala wanita, ubat penahan sakit dan suplemen zat besi, semuanya untuk mengatasi haid yang disangka normal.

Namun, Sophia sebenarnya mengalami menorrhagia dan dysmenorrhea, iaitu keadaan yang menyebabkan pendarahan berlebihan dan kesakitan teruk.

Kehidupan seharianya sentiasa bergelut dengan kepayahan, berkejar ke bilik air semasa mesyuarat, membatalkan rancangan dan berbohong tentang perasaan.

Kesakitan yang dialaminya itu sering mengakibatkan dia terbaring di lantai bilik air, mencuba bertahan setiap hari.

Perkara mudah seperti memakai seluar berwarna putih atau tidur nyenyak semalaman hanya sekadar mimpi baginya.

Demikian pengalaman Sophia yang tidak menyedari mengalami masalah berkaitan rahim sehinggalah memberi kesan besar terhadap kehidupannya.

Perunding Pakar Vaskular dan Intervensi Radiologi di Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC), Dr. Alex Tang Ah Lak berkata, perkara sedemikian biasa berlaku dalam kalangan wanita dengan gejala awal penyakit itu kebiasaannya disalah tafsir sebagai simptom biasa haid.

"Fibroid dan adenomyosis merupakan keadaan lazim yang kurang disedari oleh ramai wanita. Kesannya boleh dilihat daripada ketidakselesaan biasa sehinggalah gejala yang boleh mengubah kehidupan."

"Satu daripada tiga wanita mengalami fibroid rahim menjelang usia 50 tahun dengan 84 peratus tidak didiagnosis bertahun lamanya. Manakala, seorang daripada sepuluh wanita pula mengalami adenomyosis, namun ia mengambil masa lebih daripada tujuh tahun untuk menerima diagnosis," katanya.

Ketumbuhan bukan kanser ini terbentuk pada bahagian dinding otot rahim dan sering memberikan kesan yang ketara pada kualiti kehidupan.

Meskipun fibroid dan adenomyosis tidak

SATU daripada tiga wanita mengalami fibroid rahim menjelang usia 50 tahun dengan 84 peratus tidak didiagnosis bertahun lamanya.



ALEX TANG AH LAK

mengancam nyawa, tetapi boleh mengakibatkan simptom yang mengganggu kehidupan seperti pendarahan haid yang banyak, kesakitan pada pelvis, dyspareunia (sakit semasa hubungan seks), ketidaksuburan dan tekanan pada bahagian organ berhampiran.

Justeru, diagnosis dan rawatan awal penting bagi mengesahkan perkara-perkara tersebut.

"Apa yang penting adalah mengenali tanda-tanda awal dan mendapatkan nasihat perubatan kerana intervensi segera boleh memberi perubahan yang besar,"

katanya.

Mengulas mengenai pilihan rawatan, kata Alex Tang terdapat rawatan embolisasi arteri rahim (UAE) yang dikategorikan sebagai rawatan invasif minimum.

Sebanyak 90 peratus daripada wanita yang melakukan prosedur itu mampu menjalani kehidupan dengan lebih baik daripada menanggung kesakitan dan pendarahan.

UAE yang juga dikenali sebagai embolisasi fibroid rahim (UFE) adalah prosedur invasif secara minimum yang digunakan untuk merawat fibroid rahim simptomatik dengan menghalang bekalan darah mereka.

"Dengan menyekat aliran darah ke fibroid, pada asasnya keadaan ini menyebabkan ia 'kelaparan' seterusnya mengecutkan dan mengurangkan gejala dengan ketara."

"Pendekatan ini membolehkan kami merawat fibroid tanpa memerlukan pembedahan besar," katanya.

Menariknya, ia mula diperkenalkan pada awal 1990-an dan sejak itu ratusan ribu prosedur sudah dijalankan di seluruh dunia yang mengetengahkan kejayaannya dan penerimaan yang semakin

meningkat dalam kalangan pesakit dan penyedia penjagaan kesihatan.

Malah, UAE merupakan salah satu prosedur pilihan untuk wanita di negara Barat.

Pada 19 November 2004, Penasihat Keselamatan Amerika Syarikat, Condoleezza Rice antara tokoh terkemuka yang menjalani prosedur UAE bagi ketumbuhan fibroid yang dihidapinya.

Prosedur berkenaan dilakukan dengan bius serta sedasi ringan yang melibatkan insisi kecil di bahagian pangkal paha atau pergelangan tangan.

Melalui insisi ini, kateter kecil (tiub) dimasukkan ke dalam arteri rahim.

Menggunakan teknologi pengimejan sebagai panduan, manik plastik perubatan kecil (agen embolik) dihantar melalui kateter untuk menyekat arteri yang membekalkan fibroid.

"Agen ini bertindak sebagai sasaran rawatan yang menangani fibroid tersebut tanpa menjejaskan tisu sekelilingnya," jelasnya.

Prosedur berkenaan lazimnya mengambil masa satu hingga dua jam, dan kebanyakan pesakit boleh pulang ke rumah selepas semalaman di hospital.

"Ia ternyata sesuatu yang luar biasa bagaimana satu insisi

mudah boleh memberikan perubahan yang begitu besar. Kebanyakan wanita kembali menjalani rutin biasa mereka dalam masa seminggu," ujarnya.

UAE juga digunakan untuk merawat punca pendarahan rahim yang lain seperti selepas bersalin, pseudoaneurysm rahim, kanser serviks atau kecacatan arteriovenous.

Hasil yang baik juga boleh dicapai dalam merawat adenomyosis yang kebiasaannya diabaikan, iaitu satu keadaan yang sering didiagnosis sebagai fibroid, yang mana lapisan dalam rahim (endometrium) terbentuk ke dalam dinding otot.

Keadaan ini mengakibatkan kesakitan yang teruk, pendarahan yang banyak dan rahim membesar.

Kaedah terbaik bagi UAE adalah menggabungkannya dengan suntikan hormon untuk mendapatkan hasil yang memuaskan dalam kes ini.

Ia merupakan prosedur menyelamatkan nyawa bagi mengawal pendarahan teruk selepas bersalin sekali gus menjaga rahim untuk kehamilan di masa hadapan.

Ramai pesakit menjalani histerektomi caesarian atas sebab di atas, yang ternyata boleh dielakkan.